

23/10/1998

GMGB pastikan ahli tidak terbabit

IPOH, Khamis - Gabungan Majlis Guru Besar (GMGB) Malaysia memberi jaminan akan memastikan kira-kira 7,700 ahlinya di seluruh negara tidak terbabit dalam kegiatan antikerajaan.

Yang Dipertuanya, Muhammad Mustapha, berkata jika ada ahlinya terbabit dalam gerakan itu, pihaknya tidak teragak-agak menyarankan Kementerian Pendidikan mengambil tindakan disiplin.

"GMGB menyokong penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan dalam usaha mengekalkan keselamatan negara," katanya di Konvensyen Pendidikan Guru Besar Malaysia Keempat dan persidangan perwakilan kebangsaan ke-16 Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Pendidikan Perak, Abu Bakar Bachik yang baru dilantik seminggu lalu.

Seramai 221 guru besar dan pengetua sekolah dari seluruh negara menghadiri konvensyen dan persidangan tiga hari berakhir hari ini.

Muhammad berkata, guru besar mempunyai fungsi lebih penting untuk memimpin sekolah dan murid bagi membina kecemerlangan dalam pendidikan.

Katanya, tugas dan tanggungjawab itu memerlukan komitmen tinggi daripada mereka, selaras tema konvensyen kali ini, Guru Besar Berkesan Sekolah Berkesan.

(END)